

<b>Headline</b>	<b>Pampasan RM1.1 juta telah dibayar - TNB</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>Utusan Malaysia</b>		
<b>Date</b>	<b>05 Sep 2018</b>	<b>Language</b>	<b>Malay</b>
<b>Circulation</b>	<b>112,050</b>	<b>Readership</b>	<b>336,150</b>
<b>Section</b>	<b>Dlm Negeri</b>	<b>Page No</b>	<b>22</b>
<b>ArticleSize</b>	<b>192 cm<sup>2</sup></b>	<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>
<b>PR Value</b>	<b>RM 11,384</b>		



# Pampasan RM1.1 juta telah dibayar - TNB

**JEMPOL 4 Sept.** - Pampasan berjumlah RM1.1 juta bagi pengambilan tanah di Felda Raja Alias 2 di sini untuk projek pembinaan talian penghantaran dari Pencawang Masuk Utama Yong Peng ke Lenggeng, telah dibayar oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada 2015.

Syarikat itu dalam satu kenyataan berkata, pembayaran dibuat di atas nama Mahkamah Tinggi Seremban sementara pihak Felda menyelesaikan proses pembahagian kawasan berkenaan kepada lot-lot kecil mengikut kepentingan setiap peneroka.

Jelasnya, ini berikutka ka-

## MAKLUM BALAS

wasan yang terlibat dengan projek itu berstatus Rancangan Tanah Berkelompok yang melibatkan beberapa peneroka.

Ujarnya, mengikut prosedur Akta Pengambilanbalik Tanah (APT), peneroka boleh menuntut pampasan itu daripada mahkamah setelah pemilikan sah setiap bahagian tanah mereka diperoleh.

"Untuk makluman, seperti yang diputuskan oleh Pejabat Tanah Daerah (PTD) Jempol,

pihak TNB telah pun membayar kesemua tuntutan pampasan pengambilan tanah di Felda Raja Alias 2.

"Isu timbul apabila peneroka masih belum menerima pampasan sedangkan kerja pembinaan telah dijalankan di tanah yang telah diambil oleh kerajaan negeri," katanya di sini.

Kenyataan itu bagi menjawab dakwaan kumpulan peneroka di Felda Raja Alias 2 yang mengadakan demonstrasi baru-baru ini dan mendakwa pampasan bagi pengambilan tanah mereka masih belum dibayar oleh pihak berkenaan.

Menurut TNB lagi, bagi mem-

percepatkan penyelesaian isu pampasan tersebut, PTD Jempol baru-baru ini telah membuat keputusan agar TNB melaksanakan semula APT ke atas lot-lot tanah berkenaan.

Katanya, bagaimanapun ia hanya boleh dimulakan apabila ukuran oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan (Jupem) telah dimuktamadkan.

Ujarnya, pihak TNB dan PTD Jempol, Felda dan Jupem telah mengadakan perjumpaan dengan peneroka terbabit bagi menjelaskan latar belakang isu berkenaan dan mengenal pasti sempadan lot tanah masing-masing.